


**SEDIH...**

Sazali (kanan)  
pada hari  
P Ramlee  
meninggal  
dunia.



Kini saya kerja  
kutip sampah  
tanggung  
keluarga, tapi  
kalau arwah  
daddy masih  
hidup sudah  
tentu saya  
kaya sekarang



### **MANJA...**

Sazali (kiri)  
di atas riba  
bapanya ketika  
kecil.

### **KELUARGA...**

Sazali (tiga dari  
kanan) bergambar  
bersama  
keluarga.



Sazzali

H-ka 06/06/08 NIS 12

menangis

**ingat daddy**



**HARAPAN...** Sazali  
mengharapkan persatuan  
artis tampil menghulurkan  
sumbangan padanya.

Oleh Elrafael Sapi

ahmadelrafasi@hmetro.com.my

*Anaku Sazali dengarlah  
Lagu yang ayahanda karangi  
Sifatkan laguku hai anak  
Sebagai sahabatmu nanti*

*Anaku Sazali juwita  
Laguku jadikan pelita  
Penyuluh di gelap gelita  
Pemandu ke puncak bahagia*

*Andainya kamilah kembali  
Menyahut panggilan llahi  
Laguku sebagai ganti  
Di jiwamu hidup abadi  
Menjagamu wahai Sazali*



ff

**Seminggu sebelum  
meninggal, daddy  
pesan jaga diri baik-  
baik, sambil usap  
kepala saya, daddy  
cakap kalau aku  
mati, apa jadi pada  
kamu nanti"**

Sazali  
Anak P Ramlee

**S**EMERDU lagu Anaku Sazali yang pernah dinyanyikan Allahyarham Tan Sri P Ramlee, sedalam itu makna yang tersirat dalam diri Sazali yang sebenar.

Jauh di sudut hatinya, perasaan sebak dan rindu begitu mendalam apatah lagi mengenangkan lagu itu diciptakan khas arwah bapanya dalam filem Anaku Sazali (1956).

Kini, sudah 35 tahun arwah bapanya yang mesra dipanggil daddy meninggal Sazali. Sungguhpun pada 29 Mei lalu, tarikh P Ramlee menghembuskan nafas terakhir dikenang menerusi pengisytiharan Hari Seniman Kebangsaan 2008 dan lakonan bapanya dipentaskan semula dalam P Ramlee The Musical 2 di Istana Budaya, Kuala Lumpur, kehidupan Sazali masih tiada perubahan.

Dalam tempoh ketiadaan daddy di sisinya, hidup Sazali pada awalnya seperti hilang arah kerana tiada punca pendapatan. Malah hidup Sazali yang menumpang kasih dengan ibu tiri, Puan Sri Salmah Ismail atau Saloma hanya seketika selepas Saloma pula meninggal dunia pada 25 April 1983 akibat demam kuning. Sazali yang lahir pada 27 Disember 1958 adalah anak P Ramlee, yang dicatat

dalam sijil kelahiran bersama Zuraidah Mohd Haris.

Sejak detik itu, Sazali menempuh kehidupan baru yang memaksa dirinya cecal mencari arah hidup sendirian dengan mencuba pelbagai pekerjaan. Demi mencari sesuatu nasi, Sazali sanggup bekerja di kilang mencari bulu kambing selama tujuh tahun sebelum berkhidmat di Alam Flora sebagai pekerja awam sejak sembilan tahun lalu hingga kini.

"Dulu bila saya mula bekerja tiada siapa yang tahu saya anak Seniman Agung P Ramlee. Ada juga yang tidak percaya bila dengar cerita daripada orang lain yang memberitahu saya anak P Ramlee atau saya sendiri kata, saya Sazali samseng dari Singapura.

"Tapi bila orang lihat keadaan saya yang mengutip sampah di tepi jalan, ada yang bertanya pada saya kenapa kerja macam ini. Saya cakap kalau arwah daddy masih hidup, sudah tentu saya kaya sekarang," katanya.

Sebagai manusia, Sazali menerima takdir Tuhan dan masih bersyukur kerana bernafas hingga kini. Walaupun daddy sudah tiada, Sazali tetap gembira dengan kehadiran isteri tercinta, Amidah Hitam yang

dikahwini pada 1988.

Ketika mengenang kembali kenangan manis Sazali dengan panggilan manja Jelilboy dibersihkan bapanya, banyak cerita yang mahu dikongsi dan saat itu air matanya juga menitis.

"Daddy suka menghabiskan masa hujung minggu di rumah dan kami juga sering main badminton dan jogging bersama. Daddy juga pandai masak dan suka tengok perlawanan bola sepak atau badminton di televisyen.

"Memang benar bila orang kata, daddy peramah, tidak sombong dan suka bantu orang lain dalam kesusahan. Selalunya daddy cipta lagu pada waktu tengah malam sambil main piano.

"Seminggu sebelum meninggal, daddy pesan pada saya jaga diri baik-baik. Sambil mengusap kepala saya, daddy cakap kalau aku mati, apa jadi pada kamu nanti.

"Hingga di saat akhir daddy hendak menghembuskan nafas terakhir, daddy sempat cakap dengan saya, katanya daddy sakit dada nak mati. Waktu itu juga daddy pesan pada saya supaya jaga mama (gelaran pada Saloma) dan adik-beradik lain dengan baik.

"Selepas mama meninggal

dunia pada 1983, saya bawa diri menempuh kehidupan baru sendirian dan mencari pelbagai pekerjaan. Apa pun, saya tetap bersyukur dengan kerja yang saya lakukan kini walaupun orang lain memandang rendah terhadap saya," katanya.

Biarpun filem P Ramlee sering diulang tayang di televisyen, Sazali juga memendam perasaan sedih tatkala menonton filem lakonan bapanya. Katanya, lakonan bapanya seolah-olah hidup semula dan segala kenangan bersamanya segar dalam ingatan.

"Setiap kali menonton filem daddy di televisyen, perasaan sedih dalam diri saya tetap ada. Paling sedih bila menonton kembali filem Anakku Sazali hingga mengingatkan saya lagu istimewa itu yang pernah

dinyanyikan pada saya ketika kecil," katanya.

Sepanjang bersama bapanya, Sazali sempat berlakon dalam filem Anakku Sazali, Ahmad Albab, Anak Bapak dan Musang Berjantung.

Menerusi filem Anakku Sazali, P Ramlee berjaya meraih Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik pada Festival Filem Asia Pasifik keempat yang diadakan di Tokyo, Jepun pada 1957.

Mengenai Hari Seniman yang diraikan baru-baru ini, Sazali menyatakan penghargaan pada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kerajaan kerana secara tidak langsung turut menghargai jasa bapanya. Baginya, dia tetap berbangga dengan pengiktirafan ini walaupun tidak berkesempatan hadir pada majlis itu.

Ketika memikirkan masa depan, Sazali mula tertanya-tanya apakah kerja yang harus dilakukan sebaik pencen nanti. Katanya, dia teringin untuk berkecimpung dalam bidang lakonan jika ada tawaran.

"Mungkin jika saya masih aktif dalam bidang seni selama ini, paling tidak sekurang-kurangnya saya dapat jadi pembantu pengarah. Dulunya saya pernah terima tawaran berlakon dan saya berharap untuk berlakon semula.

"Jika boleh saya memohon jasa baik persatuan artis yang ada menghulurkan sedikit bantuan untuk saya. Mungkin dengan status saya sebagai anak P Ramlee, persatuan dapat membantu saya walaupun sumbangan itu hanya sedikit saya tetap terima," katanya.

## MESRA...

Sazali bersama isteri tercinta, Amidah Hitam.

